

21/03/2001

SIC turunkan harga tiket

Saufi Hamzah

SERIK dengan sambutan dingin terhadap Grand Prix Motosikal Malaysia tahun lalu dan akur dengan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penganjur akhirnya menurunkan harga tiket bagi menyaksikan temasya itu di Litar F1 Sepang, 19 hingga 21 Oktober ini.

Harga tiket tahun ini mengalami penurunan agak besar bagi semua tempat duduk iaitu grandstand utama, grandstand dan bukit berbumbung.

Malah Sepang International Circuit (SIC) memberikan potongan harga istimewa untuk pembelian dan tempahan mulai sekarang sehingga akhir September nanti manakala harga kembali kepada biasa bagi jualan bermula 1 Oktober.

Harga tiket biasa bagi grandstand utama kini diturunkan kepada RM80 berbanding RM130 sebelum ini, RM50 bagi grandstand K1 dan F manakala RM30 bagi tiket bukit C berbumbung.

Menurut Pengurus Besar SIC, Azmi Murad, diskaun 10 peratus disediakan untuk pembelian sehingga 31 Mei manakala 5 peratus bagi tempoh 1 Jun hingga 30 September ini.

"Oleh itu, bermula Februari hingga 31 Mei ini, harga tiket untuk tiga hari bagi grandstand utama dijual pada harga RM72 atau AS\$19.20 selepas ditolak potongan 10 peratus.

"Bagi potongan harga 5 peratus pula, tiket grandstand utama ialah RM76 (AS\$20.25)," katanya dalam sidang akhbar, kelmarin.

Tiket grandstand K1 dan F pula dijual pada harga RM45 selepas ditolak 10 peratus manakala RM48 untuk potongan 5 peratus manakala bukit C berbumbung ialah RM27 (diskaun 10 peratus) dan RM29 (diskaun 5 peratus).

"Bagi pengetahuan penonton, SIC sudah memberikan potongan harga 15 peratus ketika pembelian sepanjang acara Grand Prix Malaysia Petronas baru-baru ini," katanya.

Grand Prix Motosikal Malaysia tahun lalu berlangsung pada 31 Mac hingga 1 April mengalami kemerosotan jumlah penonton yang amat ketara memandangkan harga tiket terlalu mahal.

Harga tiket biasa ketika itu bagi grandstand ialah RM130, bukit K dan C masing-masing RM100.

Malah tiket untuk sehari (Ahad) juga mahal. RM80 bagi tiket grandstand manakala tempat duduk bukit K dan C masing-masing RM50.

Selain tiket, peminat juga perlu membayar tempat letak kereta sebanyak RM5 untuk kereta dan RM2 bagi untuk motosikal.

Sementara itu, SIC turut mengumumkan harga tiket bagi Kejohanan GT Jepun 2001 yang bakal berlangsung pada 22 hingga 24 Jun ini di Litar F1 Sepang.

Harga tiket biasa untuk grandstand ialah RM80, grandstand K1 dan F pula RM50 serta RM30 bagi tempat duduk bukit C berbumbung.

(END)